

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[ KLANG ]**

**TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah golongan muda yang berumur 18 hingga 30 tahun yang terlibat dalam pekerjaan ekonomi gig dan sektor e-hailing / p-hailing sepenuh masa berdasarkan tahap pendidikan, jantina, kaum, serta kadar peningkatan dalam perkhidmatan e-hailing selama lima tahun ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Sumber Manusia buat masa ini **tidak mempunyai statistik lengkap** mengenai golongan muda berumur 18 hingga 30 tahun yang bekerja secara sepenuh masa dalam pekerjaan ekonomi gig.

Walau bagaimanapun, berdasarkan data diperoleh daripada **Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)**, bilangan peserta gig yang berdaftar melalui inisiatif **Program eRezeki dan Global Online Workforce (GLOW)** adalah seramai **699,517 orang**. Daripada jumlah ini, pihak MDEC menganggarkan kira-kira **60 peratus** peserta program tersebut adalah di kalangan golongan muda yang **berumur 18 hingga 30 tahun**.

Menurut statistik PERKESO bagi tempoh Januari hingga Ogos 2021, seramai **1,223 orang** golongan muda berumur 18 hingga 30 tahun terlibat dengan pekerjaan sendiri bagi **perkhidmatan e-hailing** dan seramai **128,236 bagi perkhidmatan penghantaran barangan dan makanan**. Jumlah kedua-dua perkhidmatan **seramai 129,459** ini adalah merujuk kepada **pekerja yang aktif mencarum** di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789]. Daripada jumlah tersebut, 124,208 daripadanya adalah lelaki, manakala 5,251 adalah perempuan.

Sememangnya terdapat perbezaan data jika dibandingkan dengan bekalan data MDEC seperti yang saya maklumkan di awal tadi. Dan jika diteliti, sebahagian besar daripada pekerja ekonomi gig masih belum mendaftar dan mencarum di bawah Akta 789 mengakibatkan mereka tidak dilindungi dengan perlindungan sosial sekiranya berlaku musibah atau kejadian yang tidak diingini semasa mereka menjalankan tugas.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT  
[ BETONG ]**

**TARIKH : 15.9.2021 (RABU)**

**SOALAN NO. 19**

**Datuk Robert Lawson Chuat [ Betong ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah trend pasaran global minyak masak masa kini serta langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan harga minyak masak bersubsidi dan tidak bersubsidi tidak melonjak naik sehingga membebankan pengguna dan apakah kaedah yang digunakan oleh Kementerian untuk menentukan minyak masak yang diluluskan oleh Kerajaan diberikan subsidi.

**JAWAPAN:**

**Yang di-Pertua,**

1. Trend harga pasaran global minyak masak ketika ini didapati meningkat berikutan permintaan yang tinggi terhadap komoditi minyak sawit. Harga minyak masak bergantung kepada harga *refined, bleached and deodorized palm olein* yang juga turut terkesan berikutan kenaikan harga minyak sawit mentah (crude palm oil). Berdasarkan data daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), harga minyak sawit mentah (CPO) didapati melonjak pada tahun 2021 daripada purata bulanan RM3,748.50 pada bulan Januari kepada RM4,555.00 pada bulan Ogos 2021.
2. Bagi memastikan pengguna tidak terbeban dengan kenaikan harga minyak masak di pasaran, Kementerian masih lagi meneruskan Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) iaitu minyak masak bersubsidi dalam bentuk polibeg dengan harga jualan RM2.50 bagi setiap pek polibeg 1kg. Mulai 1 Ogos, Kerajaan juga melaksanakan Program Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak (MKHMM) iaitu kawalan harga maksimum jualan minyak masak sawit tulen di pasaran dalam bungkusan botol 1kg, 2kg, 3kg dan 5kg supaya tidak melepasi harga siling RM30 bagi botol 5kg.
3. Bagi menentukan minyak masak yang diluluskan subsidi oleh Kerajaan, Kementerian melihat kepada jenis dan kualiti minyak masak yang digunakan oleh pengilang minyak masak. Bagi peserta

**NO SOALAN : 19**

Program MKHMM, jenis minyak masak hendaklah daripada minyak masak sawit tulen dengan kualiti minyak masak pada gred CP6.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/LMUTUSAMI  
(PADANG SERAI)**

**TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [ PADANG SERAI ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian maklum bahawa pejabat Imigresen yang sedia ada di kawasan saya tidak mempunyai fasiliti yang lengkap bagi penduduk yang membuat urusan. Adakah pihak Kementerian mempunyai cadangan untuk mendirikan bangunan baru. Memandangkan Imigresen adalah tempat kutipan hasil bagi Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sedang meneliti keperluan penaiktarafan pejabat Jabatan Imigresen Malaysia Cawangan Kulim di Jalan Lunas yang terletak di bawah kawasan Padang Serai tersebut. Sebarang cadangan untuk pembukaan pejabat Imigresen baharu atau penaiktarafan pejabat Imigresen sedia ada memerlukan perancangan dan perundingan yang strategik dengan mempertimbangkan semua faktor termasuk unjuran pelanggan, akses, peruntukan kewangan, kesesuaian serta kesediaan lokasi, sumber manusia dan sebagainya.